

Universiti perlu miliki pelan strategik kebolehpasaran graduan

Dari muka 1

Beliau berkata, biarpun bilangan graduan berkemahiran tinggi meningkat setiap tahun, tetapi peluang pekerjaan di Malaysia lebih tertumpu kepada pekerjaan berkemahiran rendah dan sederhana.

Sehubungan itu, katanya, berlaku situasi lambakan graduan berkemahiran tinggi terpaksa tangkap muat pekerjaan yang ada ('down grade' kemahiran) atau dengan kata lain menceburi pekerjaan bukan dari bidang pengajian.

"Jika dilihat dari kaca mata majikan, jawapan yang kerap diberikan pastinya menjurus kepada kursus pengajian tidak memenuhi pasaran kerja. Maka hasilnya graduan tersepit dan permasalahan ini berulang saban tahun.

"Isu pengangguran juga berlaku akibat dari 'penawaran dan permintaan' yang tidak berhubung. Ada permintaan pekerjaan tetapi gagal dipenuhi akibat lokasi graduan di mana dapatan lazimnya

mendapati graduan dari bidang trend masa kini seperti kejuruteraan aeroangkasa, kejuruteraan kimia serta penerbangan yang terhad kepada lokasi tertentu sahaja," katanya kepada *BH Varsity*, baru-baru ini.

Berkongsi pandangannya, Dr Rosmadi berkata agak mustahil untuk graduan bidang ini menemui pekerjaan di Baling, Kedah mahupun di Kapit, Sarawak, malah terdapat situasi suami isteri yang menghadapi cabaran pekerjaan di lokasi yang jauh dan berbeza sehingga memerlukan mereka duduk berasingan atau salah seorang terpaksa memilih untuk berhenti bekerja.

Pada masa sama, beliau mengakui kelemahan graduan dalam aspek berkomunikasi, ketidakbolehan melakukan pelbagai tugas pada satu masa, pengalaman kerja dan peralihan dari tenaga kepada teknologi turut menjadi faktor menyumbang kepada pertambahan kadar pengangguran.

"Apa yang perlu dititik be-



Prof Madya Dr Rosmadi Fauzi

ratkan adalah campur tangan kerajaan dalam mengawal selia bahagian pengambilan pekerjaan agar tidak berlaku kepincangan halus yang kadangkala meletakkan syarat yang tidak bersesuaian kepada graduan.

"Peranan pihak kerajaan sangat penting dalam menyatukan dan memantau penuh sektor pendidikan dan pekerjaan, selain itu kaedah serta pendekatan yang lebih sofistikated perlu dirangka jika penawaran dan permintaan tidak dapat dipenuhi dalam negara, maka pihak keraja-



Anuar Ahmad

an perlu lebih terbuka iaitu dengan menarik pelaburan berkualiti tinggi atau menjalin usahasama dengan pelabur dan industri luar negara," katanya.

Mengulas mengenai isu sama, Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Anuar Ahmad menjelaskan data direkodkan Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2018, menunjukkan graduan dari golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) secara signifikan adalah kumpulan yang paling ramai mengang-

gur atau bekerja dengan gaji di bawah kelayakan akademik.

Sebagai langkah mengatasi, beliau turut mencadangkan supaya universiti yang mempunyai ramai mahasiswa dari keluarga B40 perlu segera merancang, membina mekanisme dan strategi tersendiri untuk menguruskan isu pengangguran graduan mereka.

"Setiap universiti perlu mempunyai pelan strategik kebolehpasaran graduan masing-masing. Jika dilihat apabila diserahkan kepada KPM kebiasaannya, pelan strategik untuk semua universiti akan sama sedangkan setiap IPT mempunyai isu latar belakang pelajar serta kebolehan yang berbeza.

"Pengurusan universiti harus bertanggungjawab untuk memastikan Kitaran Ganas Kemiskinan (*vicious cycle of poverty*) ditamatkan dalam kalangan mahasiswa. Jangan tunggu sehingga mahasiswa bergraduasi barulah membicarakan mengenai isu graduan ini," katanya.